

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG
KAWASAN : KLUANG
TARIKH : 24 NOVEMBER 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LIEW CHIN TONG (KLUANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos akhir pembinaan lebuhraya mengikut kod lebuhraya (E1, E2 dan sebagainya) dan tahun penghabisan lebuhraya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai kos pembinaan dan tempoh tamat konsesi untuk setiap lebuhraya yang sedang beroperasi di negara ini ialah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian. Terima kasih.

LAMPIRAN 1

No.	Nama Lebuhraya & Syarikat Konsesi	Kos Pembinaan (RM Juta)	Tamat Konsesi
1	Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)(E1) PLUS Expressway Berhad	5,944.77	2038
2	Lebuhraya Seremban-P. Dickson (SPDH) (E29) PLUS Expressway Berhad	224.61	2038
3	Jambatan Pulau Pinang (JPP) (E36) Penang Bridge Sdn. Bhd.	943.54	2038
4	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) (E6) PLUS Expressway Berhad	1,249.88	2038
5	Laluan Kedua Malaysia Singapura (LINKEDUA) (E3) LINKEDUA (Malaysia) Berhad	1,026.16	2038
6	Lebuhraya Shah Alam (KESAS) (E5) KESAS Sdn. Bhd.	1,115.88	2023
7	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRANDSAGA) (E7) Grand Saga Sdn.Bhd.	286.49	2045
8	Lebuhraya KL-Karak (KLK)(E8) ANIH Berhad	451.70	2032
9	Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 1) (LPT1) (E8) ANIH Berhad	1,300	2032
10	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) (E9) BESRAYA (M) Sdn. Bhd.	278.83	2040
11	Lebuhraya Baru Pantai (NPE) (E10) New Pantai Expressway Sdn. Bhd.	660	2030

No	Nama Lebuhraya & Syarikat Konsesi	Kos Pembinaan (RM Juta)	Tarikh Tamat
12	Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) (E11) Lingkar Trans Kota Sdn. Bhd.	1,080	2030
13	Lebuhraya Tingkat Ampang-KL (AKLEH) (E12) Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd.	462.70	2029
14	Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) (E13) Projek Lintasan Shah Alam Sdn Bhd	406.60	2047
15	Lebuhraya Penyuraian Timur Johor Bahru (EDL) (E14) MRCB Sdn Bhd	723	2042
16	Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) (E15) Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim Sdn. Bhd.	255.85	2038
17	Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth (LLB) (E17) Lingkar Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd.	252.40	2028
18	Lebuhraya Lingkar Kajang (SILK) (E18) Sistem Lebuhraya Lingkar Kajang Sdn. Bhd.	1,003	2037
19	Lebuhraya KL-Putrajaya (MEX) (E20) Maju Expressway Sdn. Bhd.	1,252	2045
20	Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) (E21) LEKAS Sdn. Bhd.	766	2039
21	Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) (E22) Senai-Desaru Expressway Berhad	1,371	2048

No.	Nama Lebuhraya & Syarikat Konsesi	Kos Pembinaan (RM Juta)	Tarikh Tamat
22	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik KL-Barat (SPRINT) (E23) SPRINT Sdn. Bhd.	1,246	Plaza Tol Kiara – 2031 Plaza Tol Damansara – 2034 Plaza Tol Pantai - 2034
23	Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) (E25) KLKS Sdn Bhd	1,027	2048
24	Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) (E26) SKVE Holding Sdn Bhd	1,100	2047
25	Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JASHMS) (E 28) Jambatan Kedua Sdn.Bhd	4,500	2053
26	Lebuhraya Pintas Baru Selat Klang Utara (NNKSB)(E30) Grandsepadu Sdn. Bhd.	320	2032
27	Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) (E33) Konsortium Lebuhraya Utara-Timur(KL) Sdn. Bhd.	822	2059
28	Lebuhraya Shah Alam-Kuang (GCE) (E35) Guthrie Corridor Expressway Sdn. Bhd.	660	2036
29	Lebuhraya KL-Seremban (METRAMEC) (E37) ANIH Berhad	45	2018
30	Lebuhraya SMART (E38) Syarikat Mengurus Air & Terowong Sdn. Bhd.	1,933	2042
31	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) (E8)	4,250	*

Nota:

*Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) telah beroperasi mulai 31 Januari 2015. Tempoh konsesi LPT2 masih sedang dalam peringkat rundingan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) mampu memberi kesan positif kepada penduduk yang tinggal di bangunan berstrata; dan
- (b) adakah Akta ini akan dikuatkuasakan bersama-sama Peraturan Pengurusan Strata (Penyelenggaraan dan Pengurusan) dan Tribunal Pengurusan Strata.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dikuatkuasakan untuk memastikan **keseragaman undang-undang dan dasar** berkenaan kerajaan tempatan berhubung dengan **penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama.**

Akta ini akan dapat **memperkemas dan memperkasa peranan penduduk** dalam urusan penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata dan harta bersama.

Penguatkuasaan akta ini mampu memberi kesan positif dan signifikan kepada jutaan penduduk yang tinggal di bangunan berstrata. Akta 757 mengandungi beberapa elemen penambahbaikan dari Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] dan akan **menggantikan Akta 663** dan

menjadi sumber perundangan utama dan seragam bagi urusan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama.

Antara elemen penambahbaikan yang diwujudkan dalam Akta 757 ialah:

- (i) Undang-undang yang lebih komprehensif;
- (ii) Memperkasakan peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan penambahan kesalahan-kesalahan yang dikenakan penalti;
- (iii) Memperkasakan peranan Perbadanan Pengurusan (JMB/MC) mereka diberi lebih kuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya;
- (iv) Pengenalan berkaitan peruntukan pembaikan kebocoran/kerosakan antara petak;

- (v) Kenaikan kadar penalti bagi setiap kesalahan; dan
 - (vi) Pewujudan Tribunal Pengurusan Strata bagi mendengar kes-kes tuntutan strata oleh mana-mana pihak yang berkepentingan yang diyakini kes dapat diselesaikan dengan cepat, mudah dan kos yang rendah.
- (b) Tarikh permulaan kuat kuasa Akta 757 bagi **semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang** ialah pada **1 Jun 2015** manakala **Pulau Pinang** pada **12 Jun 2015**, masing-masing melalui warta **P.U.(B) 231/2015** dan **P.U.(B) 248/2015**.

Bagi **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya** dan **Wilayah Persekutuan Labuan** tarikh permulaan kuat kuasa ialah pada **1 Jun 2015** melalui warta **P.U.(B)237/2015**.

Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 telah berkuat kuasa pada **2 Jun 2015** manakala **Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal**

Pengurusan Strata) 2015 telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2015
melalui pewartaan P.U.(A)107 dan P.U.(A)103.